



## SIARAN AKHBAR

### **RM103,500.00 DIAGIHKAN OLEH YAYASAN WAQAF MALAYSIA KEPADA GOLONGAN TERJEJAS DI SEKITAR NEGERI JOHOR**

JOHOR, 1 Ogos 2021- Sejumlah RM43,500.00 diagihkan untuk manfaat golongan yang terjejas di Negeri Johor menerusi Program Bantuan Dana PERLU dan Dana PELAJAR Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) pada hari ini. Sumbangan ini diserahkan oleh YB Senator Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad Al - Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) di beberapa lokasi sekitar Tangkak, Johor. Turut hadir, Prof. Madya Dr. Amir bin Shahrudin, Ketua Pegawai Eksekutif YWM.

Dalam program yang sama, YB Senator Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad Al - Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) turut menyampaikan Sumbangan Dana Musa'adah Covid19 JAKIM-YWM kepada Pejabat Kadi Daerah Tangkak berjumlah RM60,000.00. Ini menjadikan jumlah keseluruhan agihan ke Negeri Johor ini sebanyak RM103,500.00.

Menerusi program ini, sejumlah RM21,100.00 telah diperuntukkan bagi tujuan menyediakan pek makanan keperluan Kepada 352 keluarga yang memerlukan. Manakala sejumlah RM22,400.00 disediakan bagi tujuan sumbangan *tablet* sebanyak 32 buah *tablet* yang melibatkan 3 buah sekolah iaitu SK Labis, SK LKTP Tenang dan SK Sri Labis masing-masing sebanyak 10 buah *tablet*. Manakala 2 buah *tablet* disumbangkan kepada 2 buah keluarga yang memerlukan. Bagi sumbangan *tablet* Kepada pihak sekolah, *tablet* ini akan dipinjamkan kepada murid - murid yang mengalami kesukaran menjalani sesi PdPR yang telah dikenalpasti oleh pihak sekolah. Turut diserahkan dalam majlis ini adalah Tatacara Pengurusan Aset Wakaf kepada pihak sekolah bagi memastikan pengurusan *tablet* tersebut selari dengan konsep wakaf.

Program Dana PERLU dan Dana PELAJAR ini telah diperkenalkan pada 15 Jun 2021 dan ia merupakan kesinambungan kepada pelancaran Musa'adah 3.0 oleh YB Senator Datuk Dr.

Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) pada 1 Jun 2021 yang lalu.

Untuk menjadi sebahagian daripada penyumbang Program Dana PELAJAR, masyarakat boleh layari [www.ywm.gov.my/wakaf-online](http://www.ywm.gov.my/wakaf-online) dan memilih Sijil Wakaf Tunai Pendidikan untuk berwakaf Atau salurkan Sumbangan ke akaun CIMB ISLAMIC BANK BERHAD - 8602218186 untuk Program Dana PERLU.

### **Yayasan Waqaf Malaysia 1 Ogos 2021**

**Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:**

**Cik Haidatul Azia binti Husin**

**Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat Yayasan Waqaf Malaysia**

**019-3883395**

**[azia@ywm.gov.my](mailto:azia@ywm.gov.my)**